

Headline	Sistem GIS selesai isu tanah wakaf		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	30 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	25	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,969
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,908



Sistem GIS selesai isu tanah wakaf

Majlis agama wajar manfaat aplikasi terkini

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad
amifaiz@bharian.com.my

SERDANG: Aplikasi sistem maklumat geografik (GIS) dikenali sebagai 'Sistem GIS Wakaf' yang dibangunkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh majlis agama negeri seluruh negara agar transformasi pengurusan tanah wakaf menjadi lebih tersusun, selari pembangunan teknologi semasa.

Sistem itu yang dirangka pada awalnya khusus untuk pemetaan tanah wakaf di Selangor dan Wilayah Persekutuan, terbukti berkesan, susulan kejayaan mencari jujukan 16 lot tanah wakaf secara tepat selepas Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) gagal mengesan tanah berkenaan menggunakan kaedah manual.

Ketua pembangunan sistem terbabit, Dr Zaid Ahmad, berkata perisian itu yang mengambil masa satu setengah tahun untuk disempurnakan, membuka lembaran baru kepada institusi pengurusan wakaf dalam merangka rancangan jangka sederhana dan panjang untuk mengoptimum pembangunan tanah terbabit supaya lebih ekonomik.

"Sistem GIS Wakaf bukan saja boleh memetakan tanah wakaf sedia ada, malah sistem itu dapat merekodkan keluasan, status tanah semasa sama ada digunakan untuk pertanian atau komersial bagi menentukan nilai pulangan dari segi ekonomi dalam meningkatkan pendapatan kepada komuniti sekitar.

"Penggunaan sistem ini bakal membawa anjakan dalam memperkasakan institusi wakaf supaya tahap kecekapan dapat dipertingkatkan dan tidak lagi bergantung kepada kaedah manual yang menyusahkan dan kadangkala maklumat penting status semasa tanah seperti pencerobohan terlepas pandang," katanya kepada *Berita Minggu*.

Beliau yang juga Dekan Fakulti Ekologi Manusia UPM, berkata kaedah yang diguna pakai oleh MAIS bagi penyimpanan data tanah wakaf buat masa sekarang adalah ketinggalan zaman serta tidak praktikal kerana sistem maklumat berkenaan disimpan dalam satu fail besar yang menyukarkan kakitangan mengemaskini data diperlukan.

Mengikut rekod sehingga Jun 2010, ada 832 lot tanah wakaf di Selangor dengan bilangan lot tanah wakaf terbesar di daerah Sabak Bernam (216), Klang (164), Kuala Selangor (121), Hulu Langat (65), Gombak (54), Sepang (30), Hulu Selangor (24) dan Petaling (19).

Zaid berkata, impak yang dibawa institusi wakaf tidak wajar diperlekehkan kerana manfaatnya adalah besar kepada masyarakat Islam dan bukan Islam berikutan institusi berkenaan diwujudkan untuk kesejahteraan masyarakat secara berterusan tanpa membabitkan keuntungan seperti transaksi pembelian tanah.

"Islam menggariskan tanah wakaf tidak boleh dijual beli. Bayangkan jika tanah yang ingin diwakafkan dibangunkan khusus untuk pertanian, sekolah, klinik mahupun perpustakaan tanpa perlu mengeluarkan kos untuk pemerolehan tanah dan hanya perlu menumpukan kepada kemudahan infrastruktur saja.

"Itu baru dari aspek sosial, saya percaya implikasi dari segi ekonomi sangat besar jika pembangunan tanah terbabit dilakukan secara sistematik merangkumi tanah wakaf seluruh negara hanya dengan bantuan sistem GIS ini bagi meningkatkan kemampuan menganalisis potensi nilai komersial serta sosial," katanya.

Beliau berkata, masyarakat Islam perlu diyakinkan pemegang amanah tanah wakaf berkemampuan menguruskan tanggungjawab itu dengan telus sekali gus dapat menolak tanggapan negatif majlis agama negeri tidak berkemampuan menguruskan tanah berkenaan dengan lebih efektif.

Headline	Sistem GIS selesai isu tanah wakaf		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	30 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	25	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,969
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,908

